PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DALAM MEMUPUK BUDAYA DAMAI DI ALAM MAYA: KAJIAN TERHADAP POLISI ETIKA DIGITAL DI KOLEJ UNIVERSITI *I*-CATS

Nur Suryani Binti Rosli
Kolej Universiti *i*-CATS
Emel: nursuryani@icats.edu.my

Dahlia Binti Bujang
Kolej Universiti *i*-CATS
Emel: dahliabujang@icats.edu.my

ABSTRAK

Dalam era digital hari ini, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi semakin meluas dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Meskipun Kolej Universiti i-CATS masih belum menetapkan polisi etika digital secara rasmi, penilaian terhadap keperluan dan kesesuaian pewujudan polisi tersebut merupakan satu keperluan yang signifikan dalam memastikan pematuhan terhadap amalan etika dalam persekitaran digital institusi. Kajian ini dijalankan bagi menilai keperluan dan kepentingan pembentukan polisi etika digital di Kolej Universiti i-CATS sebagai usaha ke arah pembentukan budaya digital yang damai, bertanggungjawab dan harmoni. Bagi mencapai objektif kajian, data diperoleh daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menerusi kaedah soal selidik, manakala maklumat tambahan dikumpulkan melalui sesi temu bual bersama pihak pengurusan Kolej Universiti i-CATS. Hasil dapatan kajian diharapkan dapat memberikan panduan berguna kepada pihak pengurusan institusi dalam merangka keputusan berkaitan keperluan serta reka bentuk polisi etika digital yang bersesuaian dan relevan. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pewujudan polisi etika digital merupakan satu langkah strategik dan signifikan dalam memupuk budaya damai di alam maya. Di samping itu, ia juga menyediakan asas yang kukuh bagi memastikan penggunaan teknologi secara lebih beretika dan positif dalam konteks institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: Etika digital; budaya damai; institut pengajian tinggi; keperluan polisi

1. PENGENALAN

Dalam dunia yang semakin didominasi oleh teknologi digital, keberadaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadi aspek utama dalam kehidupan harian dan amalan akademik di institusi pendidikan tinggi (Kemp, 2019). Platform media sosial, aplikasi komunikasi segera, dan forum atas talian menawarkan peluang besar untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan meningkatkan interaksi sosial, tetapi pada masa yang sama menimbulkan pelbagai cabaran berkaitan etika digital dan keselamatan siber (Jin, 2020). Fenomena penyebaran maklumat palsu, buli siber, ucapan kebencian dan pelanggaran etika di alam maya semakin menjadi perhatian utama, kerana ia boleh memberi impak negatif terhadap keharmonian dan keselamatan komuniti akademik (Cheng & Lee, 2018).

Institusi pendidikan tinggi mempunyai tanggungjawab penting dalam membentuk sikap dan nilai pelajar terhadap penggunaan teknologi digital secara bertanggungjawab dan beretika. Salah satu inisiatif utama yang dapat membantu mencapai matlamat ini adalah dengan merangka dan melaksanakan polisi etika digital yang komprehensif serta berkesan. Polisi ini akan berfungsi sebagai garis panduan rasmi dalam mengawal tingkah laku digital warga kampus dan memastikan bahawa interaksi di alam maya berlangsung secara harmoni, hormat-menghormati dan bertanggungjawab (Yusoff & Saad, 2021).

Namun, setakat ini, kebanyakan institusi pendidikan tinggi di Malaysia belum mempunyai polisi etika digital yang formal dan menyeluruh. Ketiadaan polisi ini berpotensi menimbulkan pelbagai isu termasuk salah laku komunikasi, penyalahgunaan media sosial, serta konflik dalam kalangan warga kampus yang akhirnya menjejaskan suasana pembelajaran dan keharmonian institusi (Cheng & Lee, 2018). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan institusi pendidikan tinggi dalam memupuk budaya damai di alam maya melalui pelaksanaan polisi etika digital.

Kajian ini tertumpu kepada Kolej Universiti i-CATS sebagai kajian kes, dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran serta keperluan terhadap polisi tersebut, serta membina cadangan polisi yang sesuai untuk institusi ini. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pembangunan dasar yang mampu membentuk warga digital yang beretika, bertanggungjawab, dan mampu berinteraksi secara harmoni dalam dunia siber yang semakin mencabar. Penekanan terhadap polisi etika digital yang efektif dan relevan adalah penting, memandangkan persekitaran akademik yang kondusif dan harmoni sangat bergantung kepada budaya digital yang diamalkan oleh seluruh warga kampus.Dengan adanya polisi yang kukuh, diharapkan Kolej Universiti i-CATS dapat menjadi contoh dan peneraju dalam membina persekitaran pembelajaran yang selamat, inklusif dan berbudaya digital tinggi, sekaligus menyumbang kepada pembangunan masyarakat digital yang beretika dan bertanggungjawab di masa hadapan.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah gabungan (*mixed-method*) yang merangkumi elemen kuantitatif dan kualitatif untuk memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan keperluan dan kepentingan pembentukan polisi etika digital di Kolej Universiti i-CATS. Bagi komponen kuantitatif, data dikumpulkan melalui pengedaran borang soal selidik kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang melibatkan seramai 14 orang pelajar daripada pelbagai fakulti. Responden yang terlibat terdiri daripada pelajar berumur antara 19 hingga 25 tahun, dengan keseimbangan dari segi agihan jantina. Kepelbagaian latar belakang umur dan program pengajian dalam kalangan responden memberikan data yang lebih menyeluruh mengenai tahap kesedaran pelajar terhadap polisi etika digital. Dapatan ini mencerminkan bahawa isu kesedaran etika digital merentasi semua peringkat pengajian dan melibatkan keseluruhan kelompok pelajar di institusi. Bagi komponen kualitatif pula, data diperoleh melalui sesi temu bual bersama pihak pengurusan tertinggi Kolej Universiti i-CATS. Pelaksanaan sesi temu bual ini membolehkan pengumpulan maklumat secara mendalam berkaitan pandangan dan cadangan mereka mengenai aspek pembangunan dan pelaksanaan polisi etika digital di peringkat institusi.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bab ini membentangkan dapatan kajian serta perbincangan hasil daripada kajian soal selidik dan temu bual yang dijalankan terhadap pelajar dan pihak pengurusan di Kolej Universiti I-CATS mengenai peranan institusi pendidikan tinggi dalam memupuk budaya damai di alam maya melalui polisi etika digital. Perbincangan ini juga membandingkan dapatan kajian dengan dapatan kajian lepas dan teori yang berkaitan.

3.1 Kefahaman Terhadap Polisi Etika Digital

Sebahagian besar responden (10 daripada 14) menyatakan mereka diberi penerangan tentang etika digital semasa pendaftaran.Kefahaman terhadap polisi etika digital adalah penting bagi membentuk asas kepada pembentukan budaya damai di alam maya. Seperti yang dinyatakan oleh Ng & Fung

(2020) dalam kajiannya, pendedahan awal mengenai etika digital akan meningkatkan kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab mereka di alam maya.

Jadual 1:Kefahaman terhadap Polisi Etika Digital

Pendedahan	Bilangan
Ya	10
Tidak	4

3.2 Persepsi Terhadap Polisi Etika Digital

Sebahagian besar responden bersetuju bahawa polisi etika digital membantu mereka berkelakuan sopan dalam komunikasi dalam talian serta mencegah penyebaran maklumat palsu. Mereka juga memahami tindakan disiplin yang akan diambil sekiranya melanggar polisi. Hasil ini selari dengan kajian oleh Livingstone et al. (2019) yang menyatakan bahawa polisi etika digital yang jelas mampu mengurangkan tingkah laku negatif dalam kalangan pelajar di platform digital. Polisi ini berfungsi sebagai satu bentuk kawalan kendiri (*self-regulation*) yang efektif.

Jadual 2: Persepsi Terhadap Polisi Etika Digital

Aspek	Bilangan setuju
Membantu kelakuan sopan	12
Mencegah maklumat palsu	12
Tahu tindakan pelanggaran	11

3.3 Corak Interaksi Alam Maya

Semua responden aktif di alam maya melalui pelbagai bentuk interaksi seperti di Jadual 3. Penglibatan aktif pelajar dalam pelbagai platform media sosial meningkatkan lagi keperluan kepada kesedaran etika digital. Menurut Sundar & Marathe (2020), interaksi digital yang kerap membuka ruang kepada pelbagai risiko seperti buli siber, penyebaran maklumat palsu, dan gangguan privasi.

Jadual 3:Jenis Interaksi Alam Maya

Jenis Interaksi	Bilangan
Berkongsi gambar/video	11
Memberi komen	11
Berbual mesej	13
Perbincangan kumpulan	12
Lain-lain	3

3.4 Kepentingan Berkelakuan Sopan dan Kesan Tidak Mematuhi Etika Digital

Semua responden menyatakan penting berkelakuan sopan di alam maya. Kesan negatif yang dikenalpasti termasuk kerosakan imej diri, maklumat palsu, ketagihan media sosial, kebocoran data, dan fitnah. Kesedaran ini mencerminkan kefahaman pelajar terhadap kesan buruk tingkah laku tidak beretika di alam maya. Ini bertepatan dengan Teori Sosialisasi Digital (Digital Socialization Theory) yang menekankan pentingnya nilai murni dalam membentuk identiti digital.

3.5 Cadangan Pelaksanaan Polisi Etika Digital

Antara cadangan yang disarankan adalah penyediaan sistem laporan, kesedaran privasi, kempen kesedaran berterusan, hukuman yang bersesuaian, dan integrasi etika digital dalam kurikulum. Dapatan ini membuktikan keperluan polisi etika digital yang bukan sekadar bersifat pencegahan, tetapi juga bersifat pendidikan. Ini seiring dengan konsep literasi digital yang dinyatakan oleh Ribble

(2011), yang menegaskan pentingnya pendidikan etika digital bermula dari institusi pendidikan tinggi. Pihak pengurusan Kolej Universiti i-CATS juga mengiktiraf bahawa etika digital memainkan peranan penting dalam membentuk budaya damai dalam kalangan mahasiswa. Dengan adanya amalan etika digital yang mantap, ia dapat mengurangkan risiko salah faham, penyebaran maklumat palsu serta konflik sosial di platform atas talian (Lim, 2023). Selain itu, pengurusan mencadangkan pembangunan polisi etika digital institusi, program latihan, penubuhan jawatankuasa pemantauan, dan pengintegrasian nilai murni digital dalam kokurikulum sebagai strategi memperkukuh budaya damai di alam maya.

3.6 Cabaran pembangunan polisi etika digital

Antara cabaran utama yang dikenalpasti termasuklah kesedaran pelajar yang berbeza-beza, pengaruh media sosial luar, kekangan sumber latihan, serta kesukaran memantau komunikasi di pelbagai platform maya. Bagi memastikan pemahaman mahasiswa, pendekatan seperti penerapan modul etika digital semasa orientasi, seminar, bahan bacaan digital serta sistem pemantauan dilaksanakan (Kowalski et al., 2022). Menurut pihak pengurusan, terdapat inisiatif untuk membangunkan polisi etika digital secara sistematik yang merangkumi garis panduan tingkah laku digital, prosedur pelaporan serta mekanisme tindakan tatatertib. Polisi ini dirancang melalui sesi libat urus bersama pelajar, pensyarah dan pakar berkaitan.

4. KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa keperluan terhadap pembentukan polisi etika digital di Kolej Universiti i-CATS adalah amat penting dalam memastikan wujudnya budaya damai dan bertanggungjawab di alam maya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar mempunyai kefahaman awal terhadap polisi etika digital yang diberikan semasa pendaftaran, sekaligus memberi asas kepada pembentukan nilai murni dalam penggunaan teknologi digital. Pelajar secara umumnya bersetuju bahawa polisi etika digital yang jelas bukan sahaja membantu mereka mengekalkan kelakuan sopan di alam maya, malah turut berfungsi mencegah penyebaran maklumat palsu. Kajian ini juga mengesahkan bahawa interaksi aktif pelajar di pelbagai platform media sosial mendedahkan mereka kepada risiko buli siber, penyebaran maklumat palsu dan kebocoran privasi sekiranya etika digital tidak dipatuhi. Oleh itu, amalan beretika di alam maya perlu sentiasa diterapkan dalam kalangan mahasiswa melalui pendidikan berterusan.

5. RUJUKAN

Cheng, S. K., & Lee, H. Y. (2018). Digital ethics and responsible online behavior: The role of higher education. International Journal of Educational Technology, 12(3), 45–58.

Jin, X. (2020). Challenges of digital communication in the 21st century. Cyber Psychology Journal, 8(2), 100–115.

Kemp, S. (2019). Digital transformation in higher education. Global Education Review, 6(4), 20–35.

Kowalski, R. M., Limber, S. P., & McCord, A. (2022). A developmental approach to cyberbullying: Prevention and intervention. Journal of Child and Adolescent Counseling, 8(2), 75–90.

Lim, S. S. (2023). Digital citizenship in higher education: The role of institutional policies in shaping student behavior online. Computers in Human Behavior, 135, 107117. https://doi.org/10.1016/j.chb.2022.107117

Livingstone, S., Davidson, J., & Bryce, J. (2019). Children's online behavior and safety policies: The impact of institutional frameworks. Journal of Digital Learning, 5(1), 35–50.

Ng, S. K., & Fung, Y. M. (2020). Enhancing students' awareness on digital ethics in higher education: A case study in Malaysia. Asian Journal of University Education, 16(1), 101–112.

Patchin, J. W., & Hinduja, S. (2020). It is time to teach safe sexting. Journal of Adolescent Health, 66(2), 140–143. https://doi.org/10.1080/19361653.2020.1722151

Ribble, M. (2011). Digital citizenship in schools: Nine elements all students should know. International Society for Technology in Education.

Sundar, S. S., & Marathe, S. S. (2020). Social media and youth engagement: Navigating the digital culture. Journal of Media Psychology, 14(3), 58–72.

Yusoff, M. N., & Saad, R. (2021). The importance of digital ethics policies in universities. Journal of Higher Education Policy and Management, 43(2), 123–135.